

U B980 AAB
BARISAN

KUALA LUMPUR, 5 FEB (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) TERUS WUJUD SEKALIPUN UMNO, RAKAN UTAMA DALAM GABUNGAN PARTI-PERATI YANG MEMERINTAH, TELAH DIISYTIHARKAN SEBAGAI TIDAK SAH, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR BAHAWA BN HANYA MERUPAKAN GABUNGAN PARTI-PARTI POLITIK, DAN HANYA KERANA SATU ANGGOTA DIANGGAP OLEH UNDANG-UNDANG TIDAK LAGI BERADA DI DALAMNYA TIDAK BERERTI SELURUH GABUNGAN ITU TIDAK WUJUD.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA ANGGOTA PARLIMEN UMNO, YANG DIISYTIHARKAN SEBAGAI TIDAK SAH OLEH MAHKAMAH TINGGI DI SINI SEMALAM, SEKARANG ADALAH +MP TANPA SEBARANG PARTI.+

+MEREKA TIDAK SERUPA DENGAN ANGGOTA PARLIMEN BEBAS, CUMA MP TANPA SEBARANG PARTI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANDANGKAN DEMIKIAN, CALON YANG UMNO TELAH CADANGKAN UNTUK DIKEMUKAKAN PADA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN NEGERI KAWASAN TANJUNG PUTERI DI JOHOR PADA 27 FEB KINI TIDAK BOLEH BERTANDING ATAS NAMA PARTI.

TETAPI, KATANYA, CALON ITU BOLEH BERTANDING DI ATAS TIKET BN. -
BERNAMA

1915MST 05 02 88